

Kementerian Pendidikan akan ambil tindakan ke atas Siva

UM 25 MAR 2002

SUBANG 24 Mac — Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan ke atas Datuk N. Siva Subramaniam jika enggan memohon maaf berhubung dakwaan palsunya yang mengatakan wujud pengasingan pelajar mengikut kaum di sekolah-sekolah negara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsudin berkata, tindakan tegas tersebut terpaksa diambil jika Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebang-

saan (NUTP) berdegil dengan tidak mahu meminta maaf kepada semua pihak yang dituduhnya.

“Saya lihat masalah ini boleh selesai dengan mudah kalau dia meminta maaf.

Sikap angkuh

“Kalau dia terus dengan sikap angkuhnya (tidak mahu mohon maaf) sudah tentu boleh menimbulkan masalah yang lebih besar,” katanya.

Dalam masa yang sama, beli-

au turut berharap ahli-ahli NUTP sendiri akan mengenakan hukuman ke atas Siva atau pemimpin kesatuan itu yang sengaja menimbulkan isu berkenaan.

“Dari segi kita, ada banyak bentuk hukuman yang boleh dikenakan termasuk tindakan disiplin.

“Tetapi jangan tanya saya sekarang bentuk tindakan yang akan dikenakan kerana kita belum putuskan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* sambil mene-

gaskan perkara itu akan dibincangkan lebih lanjut dengan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad.

Sebelum itu beliau bersama kira-kira 200 kcnamaan yang lain menyambut kepulangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dari lawatan ke Rusia, Jerman dan Poland.

Abdul Aziz menyatakan demikian sebagai mengulas desakan Pemuda UMNO semalam yang

■ Lihat muka 5

Kementerian Pendidikan akan ambil tindakan ke atas Siva

UM 25 MAR 2002

mahukan kementeriannya mengambil tindakan ke atas Siva kerana membuat dakwaan berunsur hasutan dan boleh mencetuskan ketegangan antara kaum.

Malah Pengerusi Biro Pendidikan Pemuda UMNO, Dr. Adham Baba menegaskan, dakwaan itu juga mencabar hak keistimewaan orang Melayu apabila mengaitkan sekolah kebangsaan mengamalkan pengasingan pelajar mengikut kaum.

Justeru, Dr. Adham turut meminta Kementerian Dalam Negeri bertindak ke atas Siva selain berhasrat membuat laporan polis ke atas pemimpin kesatuan berkenaan jika terus berdegil tidak mahu meminta maaf di atas kesilapannya itu.

Abdul Aziz seterusnya berkata, beliau percaya ahli-ahli NUTP sendiri tahu apa yang perlu dilakukan terhadap pemimpin mereka selepas membuat satu dakwaan palsu.

Jelas beliau, sebagai ahli kesatuan mereka juga akan bertindak secara bijaksana dalam menghukum para pemimpin untuk memastikan hala tuju pucuk pimpinan sentiasa berada di atas landasan yang betul.

Terdahulu ketika berekap kepada pemberita, Abdul Aziz memberitahu, pihaknya telah mengingatkan NUTP sebelum ini agar tidak membangkitkan sebarang isu yang tidak berasas sebelum berunding dengan kementerian.

Malangnya, perkara itu tidak diendahkan, seolah-olah mereka mempunyai niat tidak baik dan mahu merosakkan perpaduan rakyat dengan membangkitkan isu berkenaan.

Dalam pada itu, Abdul Aziz berharap Siva akan mengkaji semula perbuatan yang telah dilakukannya bersama para Exco NUTP untuk memastikan kesilapan yang sama tidak berulang.

Katanya, NUTP juga tidak perlu terus menyangkal hasil kajian jawatankuasa bebas yang telah dilantik untuk menyiasat dakwaan mereka memandangkan yang terpilih menganggotai jawatankuasa itu terdiri daripada golongan profesional dan bertanggungjawab.

Menurut beliau, adalah lebih baik jika pemimpin NUTP mengakui kesalahan mereka kerana ia akan membuka jalan ke arah penyelesaian yang lebih baik.